



Kerajaan Pahang mesti semak segera projek di kawasan cerun

Oleh [Ainal Marhaton Abd Ghani](#) - Disember 17, 2022 @ 3:21pm
bhnews@bh.com.my



Pihak berkuasa wajar memantau dengan lebih kerap untuk mengelakkan bencana runtuh tanah. - Foto EPA

BENTONG: Kerajaan Pahang perlu menyemak dengan segera semua projek di kawasan cerun dan ada risiko runtuh tanah.

Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman, berkata ini bagi mengelakkan bencana yang boleh mengakibatkan kehilangan jiwa.

Beliau berkata, langkah keselamatan perlu dititik berat dan menjadi keutamaan, lebih-lebih lagi ketika negara mengalami musim tengkujuh.

"Setiap agensi atau jabatan berkaitan mesti mengadakan pemeriksaan di setiap tapak projek di kawasan berbukit.

"Saya menyeru kepada pengusaha tempat percutian yang terletak di kawasan berisiko tanah runtuh, agar peka dengan keadaan di sekeliling kawasan percutian milik mereka.

"Pengusaha mesti bertanggungjawab memastikan tiada rekahan. Jika ada tanda-tanda awal pergerakan tanah, lapor segera kepada pihak berkuasa," katanya dalam di sini, hari ini.

Young Syefura yang lebih mesra dengan gelaran Rara itu berkata demikian selepas meninjau lokasi kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan Fathers' Organic Farm, Gohtong Jaya, Batang Kali, Selangor.

Turut sama ke tempat kejadian ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ketari, Thomas Su Keong Siong.

Young Syefura berkata, pengusaha tempat percutian termasuk di tepi pantai dan tebing sungai supaya lebih peka dan tidak mementingkan keuntungan sehingga mengambil risiko.

Young Syefura juga merakamkan takziah kepada semua keluarga dan waris mangsa yang terbabit dalam bencana itu.

"Saya mendoakan agar misi mencari dan menyelamatkan semua mangsa dapat dijalankan dengan lancar dan segera selesai," katanya.



Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman.